

# Perayaan Angkatan Tentera Darat ke-87 di Kem Terendak

MELAKA, Chapel Corpus Christi Kem Terendak, Sungai Udang, telah merayakan Misa Kesyukuran sempena hari ulang-tahun Tentera Darat Malaysia yang ke-87 tahun. Misa Kesyukuran ini telah diupacarakannya oleh Uskup Bernad Paul dibantu oleh Paderi Paroki Fr. John Yeow dan juga Diakon Anthony Chua.

Apa yang menarik dalam perayaan ini ialah ia juga bersempena dengan Hari Wanita Sedunia. Jumlah anggota tentera yang menghadiri Misa ini adalah lebih kurang 200 orang. Selain daripada anggota tentera, umat awam juga turut bersama-sama telah merayakan Misa Kesyukuran ini.

Di dalam khutbahnya, Uskup Bernard Paul menegaskan bahawa tugas dan misi semua anggota tentera adalah satu misi yang amat mulia kerana kesanggupan mereka untuk sentiasa siap sedia dalam menjaga keamanan serta keselamatan negara.

Prelatus itu juga menyentuh akan peranan para wanita yang memikul tanggungjawab penting khususnya menjadi tulang belakang kepada suami serta keluarga.

Uskup Bernard juga mengatakan bahawa orang pada masa kini semakin berubah arah di mana perkara yang memotivasikan mereka untuk menentukan pilihan dan keputusan mereka.

Sempena dengan Pesta Transfigurasi, Bapa Uskup menjelaskan bahawa peristiwa itu merupakan pertemuan Ilahi atau



“Saat pengakuan terbesar Tuhan. Pengesahan Tuhan adalah penentu, ianya membantu seseorang membuat keputusan untuk menjadi satu cara berfikir yang tegas dalam membuat keputusan.

Uskup juga mengaitkan semangat Abraham dan para anggota tentera yang berani membuat keputusan untuk menggembara ke tempat yang amat asing bagi mereka atas dasar sifat tanggungjawab kepada panggilan Negara. Tindakan mereka ini juga merupakan Panggilan

yang Pertama.

Dan Panggilan yang kedua adalah Panggilan untuk “Mendaki gunung” di mana dalam panggilan ini, ianya menyentuh akan sikap seseorang yang patuh untuk mendengar akan tanggungjawab yang telah diberikan kepada mereka, seterusnya

Panggilan ketiga merupakan satu peringatan kepada Yesus serta para murid-Nya bahawa mereka yang telah dipanggil telah disahkan dan mereka berada pada jalan

yang benar. Dan Panggilan yang Keempat adalah berhadapan dengan akhir hidup. Beliau juga telah menyentuh bahawa, pengesahan daripada Tuhan memberi kesan kepada panggilan seseorang.

Selepas Misa, sesi ucapan telah disampaikan oleh Tuan Chester mewakili semua anggota Tentera Darat Malaysia. Ini disusuli ucapan daripada Uskup Bernard Paul. Sejurus selepas ucapan, upacara memotong kek dan jamuan ringan diteruskan. — **Herli**

**Mingguan Katolik HERALD Diterbitkan Bersama dengan Keuskupan Agung Kuala Lumpur, Keuskupan Melaka-Johor, Keuskupan Pulau Pinang dan Keuskupan Keningau.**

Editor: Fr Lawrence Andrew, SJ

**Disebabkan oleh COVID-19, Diari para Uskup tidak dapat disiarkan buat masa ini.**

## Umat murah hati derma patung Bonda Maria kepada KUK St Veronica

MEMBAKUT: KUK St Veronica Tiong Baru, sebuah KUK di bawah naungan St Patrick Membakut, berbesar hati dan bersyukur kerana kemurahan hati seorang umat yang telah

menderma patung Bonda Maria. Patung itu diserahkan kepada Katekis Roger Polmin, mewakili KUK Gereja St Veronica pada 12 Mac lalu. Berita selanjutnya di BM 8.



## Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

**HERALD**  
5, Jalan  
Robertson,  
50150  
Kuala Lumpur

ATAU  
Fax:  
03-20268293

## Hosana bagi Anak Daud!

**Soalan:** Sesudah membandingkan keempat-empat Injil tentang Yesus dielu-elukan di Yerusalem, saya menemukan bahawa yang mengatakan, “Hosana bagi Anak Daud” hanyalah Injil Matius (Mat 21:9-15). Kalau begitu, mengapa ungkapan itu digunakan untuk liturgi Minggu Palma? Apakah penyucian Bait Tuhan terjadi langsung sesudah Yesus dielu-elukan di Yerusalem? Mengapa hal ini tidak disebut dalam liturgi Minggu Palma? **Paulus**

**Jawaban:** Pertama, harus disedari bahawa masing-masing penulis Injil mempunyai pembaca yang berbeza, dan sesuai dengan pembaca itu, mereka menulis Injilnya dengan teologi masing-masing. Matius menulis Injil untuk komuniti Yahudi. Kerana itu, Matius banyak merujuk kepada teks-teks Perjanjian Lama untuk menunjukkan bahawa Yesus adalah pemenuhan janji Tuhan akan Mesias seperti yang tertulis dalam Perjanjian Lama.

Gelaran “Anak Daud” adalah gelaran Perjanjian Lama untuk Mesias. Matius seringkali menggunakan gelar

ini untuk merujuk pada jati diri Yesus sebagai Mesias yang dijanjikan Tuhan (Mat 9:27; 15:22; 20:30.31; bdk Mrk 10:47.48). Masyarakat Yerusalem mungkin menggunakan gelar itu untuk Yesus, kerana Yesus membuat banyak mukjizat (Yoh 12:17-18; Luk 19:37; Mat 21:15). Sambutan meriah Yesus di Yerusalem dapat diertikan sebagai antisipasi pelantikan-Nya sebagai raja mesias melalui kebangkitan-Nya.

Kedua, meskipun hanya Matius yang menggunakan seruan “Anak Daud,” semua Injil yang lain menunjukkan seruan senada yang diambil dari Mzm 118:26. Yohanes mengeksplicitkan sebagai seruan kepada “raja Israel” (Yoh 12:13). Sedangkan Lukas menanggalkan kata Aram-Ibrani “hosana” (ertinya, Engkau yang) di tempat yang Mahatinggi, dan mengeksplicitkan kata “raja” serta menambah dengan “damai sejahtera di sorga dan kemuliaan di tempat yang tinggi” (Luk 19:38).

Pengeksplicitkan dan tambahan Lukas ini mengingatkan kita kepada Luk 1:32 dan 2:14. Senada dengan Yohanes

dan Matius, Markus merujuk kepada Mzm 118:26 dan mengeksplicitkan dengan ungkapan “Diberkatilah Kerajaan yang datang, Kerajaan bapa kita Daud, hosana di tempat yang maha tinggi” (Mrk 11:10). Kesamaan nada dari keempat-empat Injil menunjukkan kesatuan pengertian tentang jati diri Yesus, iaitu Yesus adalah Mesias Raja dari keturunan Daud, yang datang atas nama Tuhan. Berdasarkan masing-masing seruan yang ada pada keempat-empat Injil, maka seruan pada Minggu Palma “Hosana Putera Daud” dapat dibenarkan.

Ketiga, menurut Matius dan Lukas penyucian Bait Tuhan terjadi langsung sesudah Yesus masuk Yerusalem. Sedangkan menurut Markus, penyucian itu terjadi keesokan hari, kerana malam sudah tiba (Mrk 11:11). Yesus meninggalkan kota dan menginap di Betania. Hal ini tidak ada di Injil Matius dan Lukas.

Yohanes meletakkan kisah pengusiran para penjual itu pada awal karya Yesus (Yoh 2:13-17), sehingga tidak terkait langsung dengan Yesus masuk ke Yerusalem secara meriah. Menurut

para ahli Kitab Suci, kisah ketiga Injil Sinoptik lebih sesuai dengan kejadian asli daripada yang ditulis Yohanes. Jadi, penyucian Bait Tuhan terjadi sesudah Yesus masuk ke Yerusalem secara meriah. Peristiwa inilah yang menimbulkan pertikaian dengan lawan-lawan-Nya tentang kuasa Yesus (Mrk 11:27-33; 12:14-17; 18-27.28-34.35-37a). Penyucian Bait Tuhan menyebabkan hak dan kuasa Yesus dipersoalkan (Yoh 2:18; Mat 21:23; Mrk 11:28; Luk 20:2) dan kemudian menyebabkan para pemuka Yahudi merencanakan pembunuhan Yesus. Jadi, urutan peristiwa menjelang akhir hidup Yesus ialah, Yesus dielu-elukan di Yerusalem, Dia langsung menyucikan Bait Tuhan lalu para pemuka agama Yahudi mempersoalkan hak dan kuasa Yesus untuk bertindak demikian. Penyucian Bait Tuhan tidak disebut dalam liturgi Minggu Palma, kerana sudah implisit dalam pertentangan antara para pemuka agama Yahudi dengan Yesus dalam Kisah Sengsara yang dibacakan pada Minggu Palma. — **Petrus Maria Handoko CM, hidupkatolik.com**